KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	27.02.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPN PAHANG			

BH AHAD 27 Februari 2022 Nasional

Meranti ganti Musang King di Sungai Lembing

JPNP selesai tanam 3,000 pokok balak hijaukan semula hutan simpan

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) selesai menanam 3,000 pokok balak di Hutan Simpan Sungai Lembing dekat Kampung Kolong Pahat, di sini yang diceroboh sebelum ini.

Proses menanam pokok Meranti Temak dan Meranti Tembaga di kawasan berbukit seluas satu hektar bagi menggantikan pokok durian Musang King yang ditanam secara haram.

Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP, Datuk Samsu Anuar Nawi, berkata cabaran utama kerja pemulihan Hutan Simpan Sungai Lembing ialah kawasan berbukit, selain tiada jalan untuk kenderaan menghantar anak pokok.

"Kakitangan jabatan terpaksa menggunakan guni dan beg membawa anak pokok hampir satu kilometer ke kawasan ceroboh sebelum ditanam.

"Kita yakin peratus hidup pokok yang ditanam lebih tinggi kerana tanah di kawasan terbabit subur dan tanah tidak terlalu padat, walaupun berbukit," katanya dihubungi kelmarin.

Program menanam pokok balak berkualiti tinggi di kawasan terbabit dilakukan berikutan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu di Kampung Kolong Pahat dan Kampung Seberang, Sungai Lembing, selepas Hutan Simpan Sungai Lembing diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Mereka mengusahakan tanaman durian Musang King dan pisang serta beberapa tanaman lain. Sebanyak 200 pokok durian Musang King berusia empat hingga lima tahun dimusnah.



Kakitangan JPNP menanam pokok Meranti Temak dan Meranti Tembaga di Hutan Simpan Sungai Lembing. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Dalam kawasan berkenaan turut terdapat lebih 2,500 pokok durian Musang King berusia satu hingga dua tahun yang akan dimusnahkan secara berperingkat tidak lama lagi.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I), Nurfazliza Kamarulbahrin, berkata pihaknya bertanggungjawab menghijaukan semula kawasan ceroboh terbabit bagi mengelak kejadian hakisan dan banjir lumpur yang boleh mengancam nyawa penduduk berhampiran kawasan itu.

"Pasukan khas akan memastikan projek penghijauan semula Hutan Simpan Sungai Lembing menemui kejayaan yang diharapkan semua pihak," katanya.